

1. Jawab semua soalan.

1. Apakah kaedah tradisional perlombongan bijih timah abad ke 15? Namakan kaedah tersebut.

- A. Kapal korek
- B. Melampan
- C. Mendulang
- D. Lombong dedah

2. Negeri Perak merupakan negeri yang kaya dengan kawasan perlombongan bijih timah. Kawasan yang terlibat ialah?

- A. Ampang
- B. Klang
- C. Larut
- D. Sg.Ujong

3. Martin Lister merupakan tokoh yang pernah menjawat jawatan residen di Negeri-neri Melayu. Dimanakah beliau bertugas?

- A. Perak
- B. Pahang
- C. Singapura
- D. Negeri Sembilan

4. Pada tahun 1909, British telah menubuhkan majlis Mesyuarat Persekutuan. Apakah peranan Majlis tersebut?

- A. Meluluskan undang-undang
- B. Memungut cukai tanah
- C. Menjatuhkan hukuman
- D. Mengawal kewangan negeri

5. British membentuk Durbar untuk mendapatkan sokongan Raja-raja Melayu. Dimanakah Durbar pertama diadakan?

- A. Kuala Kangsar
- B. Kuala Lipis
- C. Kuala Ketapang
- D. Kuala Sepetang

6. Pemerintah Kesultanan Kedah menganut agama Islam. Manakah tokoh yang terawal menganut Islam?

- A. Sultan Mahamad Shah
- B. Sultan Mahmud Shah
- C. Sultan Muzaffar Shah
- D. Sultan Mansur Shah

7. Pegawai Eropah turut dilantik dalam pentadbiran kerajaan Perlis pada tahun 1931. Berapakah bilangan ahli mereka?

- A. Dua orang
- B. Tiga Orang
- C. Lima orang
- D. Lapan orang

8. Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan pentadbiran Perlis yang menubuhkan Majlis Mesyuarat Negeri. Siapakah pengerusinya?



- A. Raja
- B. Residen
- C. Residen Jeneral
- D. Gabenor British

9. Pernyataan berikut berkaitan tindakan yang dilakukan oleh neger-negeri Melayu Utara.

Menghantar bunga emas ke siam

Tempoh penghantarannya

- A. Dua tahun sekali
- B. satu tahun sekali
- C. Tiga tahun sekali,
- D. Empat tahun sekali

10. Apakah perjanjian terawal yang dilaksanakan oleh British ke arah mencapai matlamat menguasai Negeri-Negeri Melayu Utara?

- A. Perjanjian Sulit
- B. Perjanjian Burney
- C. Perjanjian Bangkok
- D. Perjanjian Sempadan


11. Indigo merupakan tanaman komersial di Sabah. Apakah kegunaan tanaman tersebut?

- A. Bahan pewarna
- B. Bahan Makanan
- C. Bahan perubatan
- D. Bahan Perhiasan

12. Sistem kesukuan diamalkan dalam kalangan masyarakat tempatan di Sarawak dan Sabah. Apakah pekenanan yang diberikan melalui pengamalan sistem tersebut?

- A. Kepatuhan adat
- B. Pelantikan pemimpin
- C. Penentuan keturunan
- D. Kebolehan Peribadi.

13. Rajah berikut berkaitan dengan sistem pentadbiran di Sabah.



Apakah X?

- A. Tawau
- B. Jesselton
- C. Sandakan
- D. Weston

14. Charles Lee Moses menyewa tanah daripada Sultan Brunei. Berapa lama tempoh penyewaan tersebut?

- A. 5 tahun
- B. 10 tahun
- C. 15 tahun
- D. 20 tahun

15. Mahkamah Cina merupakan mahkamah yang ditubuhkan oleh kuasa barat di negara kita. Di manakah mahkamah tersebut?

- A. Sabah
- B. Sarawak
- C. Melaka
- D. Pulau Pinang

16. Antimoni merupakan salah satu perlombongan di Sarawak. Negara manakah yang memerlukan galian tersebut?

- A. Siam
- B. Burma
- C. Singapura
- D. Britain

17. Pembinaan landasan keretapi di Sabah bermula pada tahun 1896 di Bukau. Apakah faktor pembinaannya?

- A. Perlombongan emas
- B. Perlombongan arang batu
- C. Pembukaan ladang getah
- D. Pembukaan Bandar

18. Pemilihan Bandar Kuching sebagai Ibu Negeri Sarawak telah dilakukan semasa pemerintahan?

- A. James Brooke
- B. James Jessel
- C. Charles Brooke
- D. Charles Vyner Brooke

19. Pendidikan Sekular merupakan sistem pendidikan yang diperkenalkan oleh British di negara kita. Apakah maksud sekular?

- A. Pendidikan menggunakan bahasa Ibunda
- B. pendidikan menggunakan bahasa asing
- C. Pendidikan ilmu keagamaan
- D. Pendidikan Ilmu Keduniaan

20. Kemudahan telekomunikasi iaitu telefon dan telegraf yang disediakan oleh kerajaan British telah memberikan kesan terhadap negara. Apakah kesan pembinaan sistem tersebut?

- A. Perhubungan berlaku dengan pantas
- B. Mengembangkan industri Insurans
- C. Pelabuhan berkembang pesat
- D. Melambatkan perhubungan

2. Isi tempat kosong dengan jawapan yang tepat

Land order	Pentadbiran	H.N Ridley	Perladangan	besar
Arang batu	penerbangan	melombong	Sungai tembeling	Johor

1. Kedatangan kuasa Barat ke negara kita telah menyebabkan berlakunya perubahan sistem _____
2. Modal yang besar merujuk kepada industri perlombongan dan _____ untuk tujuan eksport
3. Pembangunan ekonomi moden memerlukan pelaburan modal yang _____ dari luar negara dan modal tempatan
4. Pada tahun 1888, British membuka lombong biji timah terpanjang dan terdalam di dunia, iaitu di _____
5. British banyak melabur dalam pembukaan ladang getah di Perak, Negeri Sembilan, _____ dan Selangor
6. Terowong Tanjung Kubong, Labuan pernah menjadi tapak aktiviti perlombongan _____
7. _____ merupakan Pengarah Taman Botanikal Singapura .
8. Orang Cina dibawa masuk ke Sarawak untuk _____
9. _____ yang memperuntukkan hak milik tanah simpanan pribumi diwartakan pada tahun 1931
10. Perkhidmatan _____ diperkenalkan oleh Syarikat Wearne Air Service pada tahun 1937

3. Padankan lokasi perlombongan bijih timah di bawah dengan huraianya.

Lokasi	HURAIAN
(a) Lukut	(i) Mula diusahakan oleh Raja Busu namun terkenal sebagai pusat perdagangan semasa penguasaan Raja Jumaat
(b) Lembah Kinta	(ii) Merupakan pangkalan untuk mengangkut bijih timah. Lokasi ini terletak di kuala sungai yang menjadi pertemuan antara Sungai Klang dengan Sungai Lumpur
(c) Jugra	(iii) Merupakan pusat pentadbiran Kesultanan Selangor semasa Sultan Abdul Samad. Kawasan ini menjadi pusat pengutipan cukai bijih timah yang mahu dibawa keluar melalui Sungai Langat
(d) Kuala Lumpur	(iv) Sultan Ismail telah mengusahakan kawasan perlombongan ini pada tahun 1870-an. Pada abad ke-19, lokasi ini menjadi pengeluar utama bijih timah dunia

4. Padankan kategori pembesar di bawah dengan peranannya.

Pembesar	Peranan
(a) Peringkat negeri	(i) Memungut cukai dan membekalkan tentera
(b) Peringkat jajahan/daerah	(ii) Mentadbir dan mengutip cukai
(c) Peringkat kampung	(iii) Menyediakan tenaga kerja
	(iv) Menjalankan perintah raja
	(v) Mempertahankan kedaulatan negeri
	(vi) Perantara antara rakyat dengan pemerintah

